



**LAUT BUKAN PEMISAH**

Oleh PROF MADYA DR. ISMAIL ALI  
*Universiti Malaysia Sabah*

**\*\* Sambungan artikel 'UNCLOS dan penentuan batas maritim negara' \*\***

# Penentuan batas maritim

## ► Garis pangkal jadi rujukan pengukuran

negara yang bertelingkah diselesaikan melalui kaedah perundingan sesama negara, Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) dan mediasi dan arbitrase iaitu dengan melibatkan pihak ketiga yang dipersetujui oleh negara-negara yang bertelingkah.

Dari segi sejarahnya, idea pembahagian wilayah laut dalam sejarah peradaban manusia mula muncul buat pertama kalinya apabila wujudnya perbalahan antara Portugal dan Sepanyol yang menjadi antara dua kuasa maritim dunia pada abad ke-15.

Untuk menyelesaikan pertikaian ini, satu piagam yang dikenali sebagai Piagam Inter Ceterea telah dibuat pada tahun 1493 yang akhirnya mewujudkan Perjanjian Tordesilas pada tahun 1494.

Menurut perjanjian ini, Portugal akan menguasai lautan dan lautan di sebelah timur bujur meridian dan Sepanyol pula menguasai laut dan lautan di sebelah barat.

Setelah munculnya

pelbagai negara baharu terutamanya negara berstatus *coastal states* yang merdeka lagi berdaulat terutamanya selepas berakhirnya era penjajahan maka keperluan untuk menentukan batas wilayah laut ini menjadi agenda penting kepada sesebuah negara.

Pengetahuan berhubung garis pangkal (*baselines*) atau juga disebut sebagai titik pangkal atau titik dasar merupakan perkara penting dalam penentuan batas maritim.

Garis pangkal adalah garis yang dijadikan rujukan pengukuran batas terluar laut wilayah sesebuah negara pantai.

Secara umumnya terdapat tiga jenis garis pangkal yang biasa digunakan untuk menentukan penentuan batas maritim iaitu garis pangkal norminal, garis pantai lurus dan garis pangkal kepulauan.

Bagi garis pangkal norminal sepertimana yang dijelaskan dalam Fasal 5, UNCLOS adalah merujuk kepada garis atau takat air

paling rendah (*the low-water*) yang diukur semasa air paling surut.

Bagi garis pangkal lurus pula dijelaskan dalam Fasal 7 UNCLOS yang menyatakan bahawa garis ini boleh digunakan jika garis pantai benar-benar melengkung dan memotong ke dalam atau bergerigi atau jika terdapat pulau tepi disepanjang pantai yang tersebar di sekitar garis pantai. Sementara itu garis pangkal kepulauan pula biasanya digunakan oleh negara berstatus kepulauan sepertimana yang terkandung dalam Fasal 47, UNCLOS.

**KAEDAH DAN ASPEK TEKNIKAL PENENTUAN BATAS MARITIM**

Secara amnya kaedah penentuan batas maritim sesebuah negara sepertimana yang terkandung dalam UNCLOS adalah berasaskan kepada beberapa kaedah sama jarak; kaedah *pararel* dan meridian; kaedah *enclaving*; kaedah tegak

lurus (*perpendicular*); kaedah garis *apparel* dan kaedah *natural boundary*.

Sementara itu aspek-aspek teknikal yang digunakan dalam menentukan batas maritim termasuklah peta laut; pulau dan datum vertical dan horizontal. Secara umumnya peta laut atau lebih dikenali sebagai *chart* yang digunakan dalam UNCLOS 1982 dan TALOS adalah peta laut atau *nautical chart* untuk tujuan pelayaran.

Peta laut yang digunakan dalam penentuan batas maritim hendaklah mempunyai skala antara 1:1000,000 hingga 1:1,000,000 untuk penentuan ZEE dan landas kontinen.

Sementara itu penentuan skala untuk laut territorial ialah diantara 1:50,000 hingga skala 1:100,000 sahaja.

Menurut Prescott & Schofield (2005) terdapat banyak faktor dalam menyelesaikan penentuan batas maritim seperti pertimbangan politik, strategik dan

**“Garis pangkal adalah garis yang dijadikan rujukan pengukuran batas terluar laut wilayah sesebuah negara pantai. Secara umumnya terdapat tiga jenis garis pangkal yang biasa digunakan untuk menentukan penentuan batas maritim iaitu garis pangkal norminal, garis pantai lurus dan garis pangkal kepulauan.”**

sejarah; ekonomi dan persekitarannya; dan geografis.

**PERANAN PULAU DAN TERUMBU KARANG DALAM MENUNTUT ZON MARITIM**

Selain peta laut, pulau juga memainkan peranan penting dalam penentuan batas maritim.

Dalam UNCLOS 1982 telah mendefinisikan pulau sebagai wilayah tanah (*area of land*) yang terbentuk secara alami, dikelilingi air dan harus berada di atas permukaan air semasa air pasang besar.

Berdasarkan kepada UNCLOS, sesebuah pulau

dapat dijadikan asas untuk penentuan garis pangkal dan menuntut zon maritim terutamanya negara pantai yang mempunyai pulau terkeluar.

Walaupun ada kalanya kewujudan sesebuah pulau terutamanya pulau kecil, pulau mikro dan karang (*rocks*) yang terletak jauh di perbatasan perairan sesebuah negara dianggap tidak penting dan tidak ekonomi untuk dibangunkan namun pada prinsipnya hanya pulau dan karang sahaja yang boleh digunakan untuk menuntut sesebuah zon maritim sepertimana yang dijelaskan dalam Fasal 121 UNCLOS 1982.

**\*\*BERSAMBUNG\*\***